



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

KENYATAAN TAWARAN

**KERJA-KERJA NAIKTARAF PAVILION KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DI MAEPS
SERDANG, SELANGOR**

NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/19/2026

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah:
 - i) Berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** yang beralamat di **Pulau Pinang (Daerah Timur Laut)** di bawah kod bidang berikut yang masih sah tempoh lakunya:
 - **Gred G3;**
 - **Kategori B Pengkhususan B24 (Kerja Penyenggaraan Bangunan); dan**
 - **Kategori B Pengkhususan B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai).**
 - ii) Mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **CIDB** yang beralamat di **Pulau Pinang** yang masih sah tempoh lakunya;
 - iii) Berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP); dan
 - iv) Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate – TCC*) yang masih sah dan berstatus "PATUH".
2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat/lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	: 25 Mei 2026 (Isnin)
Masa	: 11.00 Pagi (Pendaftaran)
	: 11.30 Pagi (Taklimat/Lawatan Tapak)
Tempat	: Pavilion Kerajaan Negeri Pulau Pinang Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) Serdang, Selangor
Kehadiran	: Hanya penama di dalam Sijil PPK dan SPKK dari CIDB (Wakil tidak dibenarkan)
3. Tuan/Puan adalah diminta untuk membawa bersama dokumen-dokumen seperti senarai di bawah (dokumen asal dan satu (1) salinan fotostat) semasa sesi taklimat/lawatan tapak bagi tujuan semakan dan simpanan urus setia semasa sesi pendaftaran.

- i) **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB);**
 - ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB);**
 - iii) **Cop Syarikat;** dan
 - iv) **Kad Pengenalan** penama yang hadir (Wakil tidak dibenarkan).
4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara online dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **26 Mei 2026 (Selasa)**. Hanya syarikat-syarikat yang berdaftar dengan sysP serta menghadiri taklimat/lawatan tapak sahaja boleh membeli dokumen sebut harga.
5. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. sebut harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 03 Jun 2026 (Rabu) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. **Bukti penghantaran tidak dianggap sebagai bukti penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran sebut harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web **<http://ep.penang.gov.my>**.

Setiausaha Kerajaan, Negeri Pulau Pinang